

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1999/2000

September 1999

YKT 211 - Teori dan Penyelidikan Komunikasi II

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 4 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Tiga (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Tuliskan nota ringkas mengenai semua konsep di bawah:

- a. Proses deduksi dan induksi
- b. Konsep, konstruk dan pembolehubah
- c. Skala Likert dan Skala Guttman
- d. Kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen
- e. Kesahan dan kebolehpercayaan

(100 markah)

2. Isu mengenai kesan dan pengaruh media sering menjadi topik kajian di kalangan sarjana komunikasi. Pilih satu persoalan yang berkaitan dengan kesan dan pengaruh media dan jawab soalan-soalan berikut:

- a. Kenalpasti satu persoalan kajian dan tulis kenyataan permasalahan kajian yang jelas yang boleh dikaji secara empirikal.
- b. Berdasarkan persoalan di atas (soalan a), tulis dua hipotesis yang boleh diuji. Berikan definisi operasional kepada pembolehubah-pembolehubah yang terdapat di dalam hipotesis-hipotesis tersebut.
- c. Apakah kaedah pengutipan data dan instrumen yang akan digunakan? Nyatakan teknik persampelan yang sesuai untuk mendapatkan sampel kajian and jelaskan kenapa anda menggunakan teknik tersebut.

(100 markah)

...2/-

3. Kumpulan fokus adalah strategi penyelidikan bagi memahami perlakuan dan sikap audiens/pengguna (Wimmer & Dominic, 1997: 97).
 - a. Huraikan metodologi kumpulan fokus dengan menggunakan contoh yang sesuai.
 - b. Bincangkan kekuatan dan kelemahan kumpulan fokus.
 - c. Apakah peranan pengimbangtara (*moderator*) dalam kumpulan fokus?
4. Kajian komunikasi sering melibatkan manusia sebagai objek kajian. Apakah prinsip-prinsip etika yang berkaitan dengan hak individu yang harus diambil kira oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan?

(100 markah)

(100 markah)

-oooOooo-